

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang berniaga tanpa kebenaran di negara kita dalam tempoh Januari 2017 sehingga hari ini. Apakah langkah-langkah pemantauan yang diambil untuk memastikan bahawa PATI ini tidak bermasyarakat menjadi peniaga haram yang mendatangkan keresahan terhadap warga tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), sebanyak 43,612 operasi penguatkuasaan terhadap warga asing yang berniaga tanpa kebenaran di negara ini telah dijalankan bagi tempoh Januari 2017 hingga 31 Ogos 2019. Hasil operasi tersebut, tangkapan seramai 132,654 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) dan 3,666 orang majikan telah dilakukan.

2. Manakala bagi operasi penguatkuasaan di pasar-pasar borong, sebanyak 139 operasi telah dijalankan oleh JIM bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 26 September 2019. Melalui operasi tersebut, sejumlah 375 orang PATI dan 54 orang majikan telah ditangkap atas pelbagai kesalahan imigresen.

3. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JIM terhadap warga asing. Sehingga kini, 599 operasi penguatkuasaan PBT dan 492 operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi lain ke atas warga asing telah dijalankan.

4. Bagi memantau kegiatan perniagaan oleh warga asing, Jemaah Menteri pada 29 Mac 2019 telah bersetuju agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan dengan dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Jawatankuasa ini berperanan dalam meningkatkan keselamatan dan menangani kebanjiran warga asing yang mendominasi beberapa pasar borong utama di Lembah Klang.

5. Selain itu, KPKT juga telah mengeluarkan surat kepada semua PBT pada 7 Ogos 2019 supaya meningkatkan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti PDRM dan JIM bagi tujuan mengekang aktiviti perniagaan di pasar borong yang dimonopoli oleh warga asing.

6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebagai langkah kawalan, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti mengusahakan kedai runcit atau lain-lain perniagaan menggunakan lesen milik penduduk tempatan. KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 30 Jun 2008. Pekeliling ini menyatakan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang perlu dipatuhi oleh perniagaan kecil adalah:

- (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Sekian, terima kasih.